



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 54
No. 14

8hb Julai 2010

TAMBAHAN No. 70
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 228.

AKTA SARAAN HAKIM 1971

PERATURAN-PERATURAN SARAAN HAKIM (PINDAAN JADUAL
KEDUA DAN KELIMA) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 19 Akta Saraan Hakim 1971 [*Akta 45*], Yang di-Pertuan Agong, selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Kedua dan Kelima) 2010**.

(2) Perenggan 2(a) dan 3(a) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 September 2007.

(3) Perenggan 2(b), 2(c), 2(d), 2(e), 2(f), 2(h), 3(b) dan 3(c) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2009.

(4) Perenggan 2(g) dan 2(i) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2010.

Pindaan Jadual Kedua

2. Jadual Kedua kepada Akta Saraan Hakim 1971, yang disebut “Akta ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda seperti yang berikut:

(a) dengan memasukkan selepas perenggan 1 perenggan yang berikut:

“1A. BAYARAN PERUMAHAN KHAS:

(1)	(2)
Bayaran perumahan khas bagi Hakim	Tarikh mula berkuat kuasa
Bayaran perumahan khas sebanyak lima puluh peratus daripada subsidi sewa rumah bagi Hakim yang tinggal di rumah khas Jabatan.	1-9-2007”;

(b) dalam perenggan 3, dengan memasukkan selepas subperenggan (b) subperenggan yang berikut:

(1)	(2)
Elaun dan Hakim yang layak menerimanya	Tarikh mula berkuat kuasa
“(c) Suatu elaun wilayah bulanan pada kadar 10 peratus daripada gaji bulanan hendaklah dibayar kepada Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan dari Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, selagi mereka berkhidmat di Semenanjung Malaysia.	1-1-2009”;

(c) dengan memasukkan selepas perenggan 3A, perenggan yang berikut:

“3B. ELAUN GANGGUAN:

(1)	(2)
Elaun gangguan bagi Hakim	Tarikh mula berkuat kuasa
Seseorang Hakim yang ditukarkan kembali ke wilayah asalnya layak mendapat elaun gangguan pada kadar sebulan gaji hakiki Hakim.	1-1-2009

3C. ELAUN PERPINDAHAN:

(1)	(2)
Jenis elaun perpindahan yang layak bagi seseorang Hakim	Tarikh mula berkuat kuasa
(a) Elaun, kemudahan dan bayaran kerana bertukar atau berpindah rumah	1-1-2009”;
Boleh diberikan sebagaimana yang diberikan kepada kakitangan perkhidmatan awam sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.	

(1)	(2)
Jenis elaun perpindahan yang layak bagi seseorang Hakim	Tarikh mula berkuat kuasa
<p>(b) Bayaran perpindahan bagi Hakim yang bersara</p> <p>Bayaran perpindahan ini boleh diberikan kepada Hakim yang bersara dan keluarganya mengikut keadaan biasa atau atas syor lembaga Pegawai Perubatan dari tempat akhir Hakim tersebut berkhidmat ke tempat yang dipilih untuk bersara di mana-mana sahaja dalam Malaysia. Bayaran perpindahan ini hendaklah didasarkan kepada gaji akhirnya dan terpakai sebagaimana yang diberikan kepada kakitangan perkhidmatan awam sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.</p>	

(d) dalam perenggan 12—

- (i) dalam subperenggan (d), dengan memotong perkataan “Hakim yang dilantik daripada Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan yang telahpun mengambil kemudahan cuti haji, tidak layak mendapat kemudahan ini sekali lagi semasa menjadi Hakim.”; dan
- (ii) dalam subperenggan (e), dengan memasukkan selepas subsubperenggan (ii) subsubperenggan yang berikut:

(1)	(2)
Jenis cuti dan bilangan hari yang layak bagi seseorang Hakim	Tarikh mula berkuat kuasa
“(iii) Cuti kematian ahli keluarga terdekat	1-1-2009”;
<p>Boleh diberikan sebagaimana yang diberikan kepada kakitangan perkhidmatan awam sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa. Dalam subsubperenggan ini, “ahli keluarga terdekat” ertinya suami atau isteri, anak-anak serta ibu dan bapa kandung kepada Hakim itu.</p>	

- (e) dalam perenggan 12A, dengan menggantikan perkataan “seratus dua puluh” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “seratus lima puluh”;

(f) dengan memasukkan selepas perenggan 15 perenggan yang berikut:

“15A. BAYARAN BIL TELEFON DAN INTERNET:

(1)	(2)
Bayaran bil telefon dan internet bagi Hakim	Tarikh mula berkuat kuasa
Seseorang Hakim hendaklah dibayar kembali bayaran yang dibuat olehnya untuk—	1-1-2009”;
(a) bil telefon rumah yang diduduki sebagaimana yang dibayar kepada Pegawai Gred Utama A termasuk bayaran perkhidmatan internet; dan	
(b) bil telefon mudah alih tidak melebihi RM500.	

(g) dalam perenggan 16—

(i) dengan menggantikan subperenggan (c) dengan subperenggan yang berikut:

(1)	(2)
Tambang berbayar untuk perjalanan ke luar negeri dan orang tanggungan tertentu	Tarikh mula berkuat kuasa
“(c) Kemudahan tambang berbayar ini hendaklah digunakan semasa Hakim masih dalam jawatannya atau selewat-lewatnya enam (6) bulan selepas Hakim bersara.	1-1-2010”;

(ii) dengan memasukkan selepas subperenggan (d) subperenggan yang berikut:

(1)	(2)
Tambang berbayar untuk perjalanan ke luar negeri dan orang tanggungan tertentu	Tarikh mula berkuat kuasa
“(e) Seseorang Hakim yang memilih untuk menurunkan kelas penerbangannya daripada tambang kelas pertama kepada tambang kelas perniagaan atau tambang kelas ekonomi atau memilih untuk membeli pakej pelancongan akan dibayar perbezaan antara tambang sebenar (tidak melebihi had tambang). Jika tambang sebenar melebihi had tambang, perbezaan yang boleh dibayar ialah perbezaan antara had tambang dengan tambang penerbangan yang diturunkan atau pakej pelancongan itu.	1-1-2010”;

- (h) dalam perenggan 16A, dengan menggantikan perkataan “2 tahun” dengan perkataan “1 tahun”; dan
- (i) dengan memasukkan selepas perenggan 18 perenggan yang berikut:

“19. BAYARAN/FI KEAHLIAN KELAB REKREASI DAN SUKAN:

(1)	(2)
Bayaran/Fi Keahlian Kelab Rekreasi dan Sukan	Tarikh mula berkuat kuasa
Seseorang Hakim adalah layak menuntut bayaran/fi keahlian kelab rekreasi dan sukan yang boleh dibayar bagi pegawai Gred Utama A sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.	1-1-2010”.

Pindaan Jadual Kelima

3. Jadual Kelima kepada Akta ibu dipinda dalam perenggan 5—
- (a) dengan memasukkan sebelum perkataan “3,” perkataan “1A,”;
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “3A,” perkataan “3B, 3C”;
- dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “dan 15” dengan perkataan “, 15 dan 15A”.

Dibuat 22 Jun 2010
[KP/MPM(R)003 Jld. 11; PN(PU²)91/IV]

Dengan Titah Perintah

DATO’ SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
Perdana Menteri

JUDGES’ REMUNERATION ACT 1971

JUDGES’ REMUNERATION (AMENDMENT OF SECOND AND FIFTH SCHEDULES)
REGULATIONS 2010

IN exercise of the powers conferred by section 19 of the Judges’ Remuneration Act 1971 [*Act 45*], the Yang di-Pertuan Agong, after consultation with the Chief Justice, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Judges’ Remuneration (Amendment of Second and Fifth Schedules) Regulations 2010**.

(2) Paragraphs 2(a) and 3(a) are deemed to have come into operation on 1 September 2007.

(3) Paragraphs 2(b), 2(c), 2(d), 2(e), 2(f), 2(h), 3(b) and 3(c) are deemed to have come into operation on 1 January 2009.

(4) Paragraphs 2(g) and 2(i) are deemed to have come into operation on 1 January 2010.

Amendment of Second Schedule

2. The Second Schedule to the Judges' Remuneration Act 1971, which is referred to as the "principal Act" in these Regulations, is amended as follows:

(a) by inserting after paragraph 1 the following paragraph:

"1A. SPECIAL HOUSING PAYMENT:

(1)	(2)
Special housing payment for Judge	Effective Date
Special housing payment at the rate of fifty per centum from the house rent subsidy shall be paid to a Judge who lives in institutional quarters.	1-9-2007";

(b) in paragraph 3, by inserting after subparagraph (b) the following subparagraph:

(1)	(2)
Allowances and Judges eligible therefor	Effective Date
“(c) A monthly regional allowance at the rate of 10 per centum of the monthly salary shall be paid to the Judges of the Federal Court and Court of Appeal from Sabah, Sarawak and Federal Territory of Labuan, for so long as they serve in Peninsular Malaysia.	1-1-2009”;

(c) by inserting after paragraph 3A, the following paragraphs:

"3B. DISTURBANCE ALLOWANCE:

(1)	(2)
Disturbance allowance for a Judge	Effective Date
A Judge who has been retransferred to his original region shall be eligible for a disturbance allowance at the rate of one month substantive salary of a Judge.	1-1-2009

3c. MOVING ALLOWANCE:

(1)	(2)
Types of moving allowance eligible for a Judge	Effective Date
<p>(a) Allowance, facility and payment because of transfer or house-moving</p> <p>May be accorded as accorded to staff of the public service as revised from time to time.</p>	<p>1-1-2009”;</p>
<p>(b) Moving payment for a retired Judge</p> <p>A moving payment may be accorded to a retired Judge and his family under normal circumstances or on the recommendation of a board of Medical Officers from the last place where the Judge served to his place of choice to retire anywhere in Malaysia. The moving payment shall be based on his last salary and applicable as accorded to staff of the public service as revised from time to time.</p>	

(d) in paragraph 12—

- (i) in subparagraph (d), by deleting the words “Judges appointed from the Judicial and Legal Service who have already taken pilgrimage leave are no longer eligible to obtain this facility as a Judge.”; and
- (ii) in subparagraph (e), by inserting after subparagraph (ii) the following subparagraph:

(1)	(2)
Types of leave and number of eligible days for a Judge	Effective Date
<p>“(iii) Leave due to death of immediate family member</p> <p>May be accorded as such leave is accorded to staff of the public service as revised from time to time. In this subparagraph, “immediate family member” means a spouse, children and natural parents of the Judge.</p>	<p>1-1-2009”;</p>

(e) in paragraph 12A, by substituting for the words “one hundred and twenty” wherever they appear the words “one hundred and fifty”;

(f) by inserting after paragraph 15 the following paragraph:

“15A. TELEPHONE AND INTERNET BILL PAYMENT:

(1)	(2)
Telephone and internet bill payment for a Judge	Effective Date
A Judge shall be reimbursed for the payment made by him for—	1-1-2009”;
(a) the telephone bill of his house as accorded to Principal Grade A Officers including payment for internet services; and	
(b) mobile telephone bill not exceeding RM500.	

(g) in paragraph 16—

(i) by substituting for subparagraph (c) the following subparagraph:

(1)	(2)
Paid passage for overseas travel for Judge and certain dependants	Effective Date
“(c) This paid passage facility must be used while the Judge is in office or at the latest, six (6) months after the Judge retired.	1-1-2010”;

(ii) by inserting after subparagraph (d) the following subparagraph:

(1)	(2)
Paid passage for overseas travel for Judge and certain dependants	Effective Date
“(e) A Judge who selects to downgrade his flight class from first class fare to business class fare or economy class fare or selects to purchase a tour package will be paid the difference between the actual cost fare (not exceeding the fare limit). If the actual fare exceeds the fare limit, the difference that can be paid is the difference of the fare limit and the downgraded fare or tour package.	1-1-2010”;

(h) in paragraph 16A, by substituting for the words “2 years” the words “1 year”; and

(i) by inserting after paragraph 18 the following paragraph:

**“19. SPORTS AND RECREATIONAL CLUB’S MEMBERSHIP
PAYMENT/FEE:**

(1)	(2)
Sports and Recreational Club’s Membership Payment/Fee	Effective Date
A Judge shall be eligible to claim for sports and recreational club’s membership payment/fee payable to officers serving in Principal Grade A as revised from time to time.	1-1-2010”.

Amendment of Fifth Schedule

3. The Fifth Schedule to the principal Act is amended in paragraph 5—
- (a) by inserting before the words “3,” the words “1A,”;
 - (b) by inserting after the words “3A,” the words “3B, 3C”; and
 - (c) by substituting for the words “and 15” the words “, 15 and 15A”.

Made 22 June 2010
[KP/MPM(R)003 Jld. 11; PN(PU²)91/IV]

By Command

DATO’ SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
Prime Minister

P.U. (A) 229.

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PINDAAN) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Makanan 1983 [Akta 281], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Makanan (Pindaan) 2010**.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Makanan 1985 [*P.U. (A) 437/1985*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2—

(a) dengan memasukkan selepas tafsiran “bekas pukal” tafsiran yang berikut:

“bioteknologi moden” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Biokeselamatan 2007 [*Akta 678*];’; dan

(b) dengan memasukkan selepas tafsiran “nama sebutan sebenar” tafsiran yang berikut:

“organisma diubah suai secara genetik” ertinya organisma yang bahan genetikanya telah diubah melalui bioteknologi moden dengan cara yang tidak berlaku secara semula jadi melalui pembiakan atau rekombinasi semula jadi atau kedua-duanya.

Bahagian Baru IIa

3. Peraturan-Peraturan ibu, dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian II Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IIa

KELULUSAN UNTUK PENJUALAN MAKANAN YANG DIPEROLEH MELALUI
BIOTEKNOLOGI MODEN

3A. Tiada seorang pun boleh mengimport, menyediakan atau mengiklankan untuk penjualan atau menjual apa-apa makanan dan ramuan makanan yang diperoleh melalui bioteknologi moden tanpa kelulusan bertulis daripada Pengarah terlebih dahulu.”.

Pindaan peraturan 11

4. Peraturan 11 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(3A) Bagi maksud subperaturan (3), sumber bagi makanan dan ramuan makanan yang diperoleh melalui bioteknologi moden hendaklah dinyatakan seperti yang berikut:

“gen dihasilkan daripada (nama biasa binatang tersebut)”;

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (5) subperaturan yang berikut:

“(6) Bagi maksud perenggan (ea) subperaturan (1) dan (5), sumber bagi makanan dan ramuan makanan yang diperolehi melalui bioteknologi moden hendaklah dinyatakan seperti yang berikut:

“gen dihasilkan daripada (sumber)”;

(7) Makanan dan ramuan makanan yang diperolehi melalui bioteknologi moden hendaklah dilabelkan seperti yang berikut:

(a) dalam hal makanan dan ramuan makanan terdiri daripada atau mengandungi organisma diubah suai secara genetik, perkataan “(nama ramuan) diubah suai secara genetik” hendaklah terdapat pada label;

(b) dalam hal makanan dan ramuan makanan dihasilkan daripada, tetapi tidak mengandungi organisma diubah suai secara genetik, perkataan “dihasilkan daripada (nama ramuan) diubah suai secara genetik” hendaklah terdapat pada label;

(c) bagi maksud perenggan (a) dan (b), dalam hal makanan yang terdiri daripada satu ramuan, maklumat hendaklah terdapat pada panel pameran utama berdekatan dengan nama makanan tersebut dan hendaklah dalam penghurufan tidak kurang daripada 10 poin;

(d) bagi maksud perenggan (a) dan (b), dalam hal makanan yang terdiri lebih daripada satu ramuan, maklumat hendaklah terdapat di dalam senarai ramuan diikuti sebaik sahaja selepas ramuan mengikut mana yang berkenaan; dan

(e) bagi maksud perenggan (d), pernyataan “mengandungi ramuan diubah suai secara genetik” hendaklah dinyatakan pada panel pameran utama berdekatan dengan nama makanan tersebut dan hendaklah dalam penghurufan tidak kurang daripada 10 poin.”

Pindaan peraturan 17

5. Peraturan 17 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

(3A) Walau apa pun subperaturan 17(3), jika makanan dan ramuan makanan yang diperolehi melalui bioteknologi moden dipamerkan untuk penjualan secara runcit selain daripada dalam bungkusan, apa-apa maklumat yang dikehendaki dalam subperaturan 11(3A), (6) dan (7) hendaklah dipamerkan pada atau berhubung dengan makanan tersebut.

Dibuat 14 Jun 2010
[KKM-163/s/56; PN(PU²)418/XV]

DATO' SRI LIOW TIONG LAI
Menteri Kesihatan

FOOD ACT 1983

FOOD (AMENDMENT) REGULATIONS 2010

IN exercise of the powers conferred by section 34 of the Food Act 1983 [Act 281], the Minister makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **Food (Amendment) Regulations 2010**.

Amendment of regulation 2

2. The Food Regulations 1985 [*P.U. (A) 437/1985*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 2 by inserting after the definition “extra wrapper” the following definitions:

‘ “genetically modified organisms” means an organism in which the genetic material has been changed through modern biotechnology in a way that it does not occur naturally by multiplication or natural recombination or both;’; and

“modern biotechnology” has the same meaning assigned to it under the Biosafety Act 2007 [*Act 678*].’.

New Part IIa

3. The principal Regulations, are amended by inserting after Part II the following Part:

“PART IIa

APPROVAL FOR SALE OF FOOD OBTAINED THROUGH MODERN BIOTECHNOLOGY

3A. No person shall import, prepare or advertise for sale or sell any food and food ingredients obtained through modern biotechnology without the prior written approval of the Director.”.

Amendment of regulation 11

4. Regulation 11 of the principal Regulations are amended—

(a) by inserting after subregulation (3) the following subregulation:

“(3A) For the purpose of subregulation (3), the origin of food and food ingredients obtained through modern biotechnology shall be stated as follows:

“gene derived from (common name of such animal)”;

(b) by inserting after subregulation (5) the following subregulations:

“(6) For the purpose of paragraph (ea) of subregulations (1) and (5), the origin of food and food ingredients obtained through modern biotechnology shall be stated as follows:

“gene derived from (origin)”.

(7) Food and food ingredients obtained through modern biotechnology shall be labelled as follows:

(a) in the case of food and food ingredients are composed of or contains genetically modified organisms, the words “genetically modified (name of the ingredient)” shall appear on the label;

(b) in the case of food and food ingredients are produced from, but does not contain genetically modified organisms, the words “produced from genetically modified (name of the ingredient)” shall appear on the label;

(c) for the purpose of paragraphs (a) and (b), in the case of single-ingredient foods, the information shall appear on the principal display panel in close proximity with the name of the food and shall be in not less than 10 point lettering;

(d) for the purpose of paragraphs (a) and (b), in the case multi-ingredient foods, the information shall appear in the list of ingredients immediately following the ingredients; and

(e) for the purpose of paragraph (d), the statement “contains genetically modified ingredient” shall be stated on the principal display panel in close proximity with the name of the food and shall be in not less than 10 point lettering.”

Amendment of regulation 17

5. Regulation 17 of the principal Regulations is amended by inserting after subregulation (3) the following subregulation:

(3A) Notwithstanding subregulation 17(3), where food and food ingredients obtained through modern biotechnology are displayed for retail sale other than in a package, any information required in subregulations 11(3A), (6) and (7) shall be displayed on or in connection with the display of the food.

Made 14 June 2010
[KKM-163/s/56; PN(PU²)418/XV]

DATO' SRI LIOW TIONG LAI
Minister of Health

P.U. (A) 230.

AKTA PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR 1972

PERINTAH PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR (MUSIM TUTUP) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 31(a) Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 [Akta 76], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perlindungan Hidupan Liar (Musim Tutup) 2010**.

Musim tutup

2. Tempoh mulai 1 November 2010 hingga 30 November 2015 hendaklah menjadi musim tutup berkenaan dengan Sambur Deer (*Cervus unicolor equinus*) Rusa dan Barking Deer (*Muntiacus muntjak*) Kijang.

Dibuat 21 Jun 2010

[NRE(S) 44/4/1/47; PN(PU²)113/VI]

DATO SRI DOUGLAS UGGAH EMBAS
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

PROTECTION OF WILD LIFE ACT 1972

PROTECTION OF WILD LIFE (CLOSE SEASON) ORDER 2010

IN exercise of the powers conferred by paragraph 31(a) of the Protection of Wild Life Act 1972 [Act 76], the Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Protection of Wild Life (Close Season) Order 2010**.

Close season

2. The period from 1 November 2010 to 30 November 2015 shall be a close season in respect of Sambur Deer (*Cervus unicolor equinus*) Rusa and Barking Deer (*Muntiacus muntjak*) Kijang.

Made 21 June 2010

[NRE(S) 44/4/1/47; PN(PU²) 113/VI]

DATO SRI DOUGLAS UGGAH EMBAS
Minister of Natural Resources and Environment

P.U. (A) 231.

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN KEBERSIHAN MAKANAN (PINDAAN) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Makanan 1983 [Akta 281], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan (Pindaan) 2010**.

Pindaan peraturan 5

2. Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 [P.U. (A) 95/2009], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 5—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan memotong perkataan “(1)”; dan
- (b) dengan memotong subperaturan (2).

Pindaan peraturan 38

3. Perenggan 38(3)(b) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “between” dengan perkataan “at or below the”; dan
- (b) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “suhu atau di bawah suhu 18°C” dengan perkataan “atau di bawah suhu minus 18°C”.

Pindaan peraturan 58

4. Peraturan 58 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memotong perkataan “ditetapkan sebagai kesalahan yang” selepas perkataan “ini”.

Pindaan Jadual Kedua

5. Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong perkataan “Jumlah Bayaran: RM30.00”.

Pindaan Jadual Keempat

6. Jadual Keempat kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- (a) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “FORTH” dengan perkataan “FOURTH”; dan
 - (b) dengan memasukkan selepas butiran 6 butiran yang berikut:
 - “6A. Peraturan 30 Tidak mematuhi kehendak yang berhubungan dengan latihan pengendali makanan”.

Dibuat 14 Jun 2010
[KKM-163/S/17; PN(PU²)418/XV]

DATO' SRI LIOW TIONG LAI
Menteri Kesihatan

FOOD ACT 1983**FOOD HYGIENE (AMENDMENT) REGULATIONS 2010**

IN exercise of the powers conferred by section 34 of the Food Act 1983 [Act 281], the Minister makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **Food Hygiene (Amendment) Regulations 2010**.

Amendment of regulation 5

2. The Food Hygiene Regulations 2009 [P.U. (A) 95/2009], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 5—
- (a) in subregulation (1), by deleting the word “(1)”; and
 - (b) by deleting subregulation (2).

Amendment of regulation 38

3. Paragraph 38(3)(b) of the principal Regulations is amended—
- (a) in the English language text, by substituting for the word “between” the words “at or below the”; and
 - (b) in the national language text, by substituting for the words “suhu atau di bawah suhu 18°C” the words “atau di bawah suhu minus 18°C”.

Amendment of regulation 58

4. Regulation 58 of the principal Regulations is amended in the national language text, by deleting the words “ditetapkan sebagai kesalahan yang” after the word “ini”.

Amendment of Second Schedule

5. The Second Schedule to the principal Regulations is amended by deleting the words “Fee paid: RM30.00”.

Amendment of Fourth Schedule

6. The Fourth Schedule to the principal Regulations is amended—
- (a) in the English language text, by substituting for the word “FORTH” the word “FOURTH”; and
 - (b) by inserting after item 6 the following item:
 - “6A. Regulation 30 Failure to comply with requirements relating to food handler training”.

Made 14 June 2010
[KKM-163/S/17; PN(PU²)418/XV]

DATO' SRI LIOW TIONG LAI
Minister of Health

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA